

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
Tajuk : MAJLIS RAMAH MESRA DAN PELANCARAN BUKU "TRADITIONAL CUISINES OF SABAH"
Lokasi : SHANGRI-LA'S TANJUNG ARU RESORT, SABAH
Tarikh : 20-02-1999

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina Gong Xi Fa Cai kepada rakan-rakan Tionghua kita. Saya merasa gembira kerana dapat melawat Sabah sekali lagi dan berpeluang untuk bertemu mesra dengan saudara-saudari semua. Saya mengucapkan terima kasih kepada YABhg Puan Sri Diana Dompok, Yang di-Pertua BAKISA dan semua ahli BAKISA kerana sudi mengadakan Majlis Ramah Mesra ini untuk saya.

2. Saya memang sentiasa merasa gembira dengan pertemuan-pertemuan seperti ini kerana ia memberikan saya peluang untuk beramah mesra dengan saudara-saudara semua dan untuk merapatkan lagi tali silaturahmi.

Walaupun saya ingin melawat rakyat di negeri ini dengan lebih kerap dan merapatkan lagi hubungan kita semua, namun masa tidak mengizinkan disebabkan oleh jadual-jadual yang ketat. Sebagai ketua BAKTI, saya memikul tugas-tugas dan tanggungjawab yang sama seperti juga dengan YABhg Puan Sri Diana, untuk memimpin BAKTI dan ahli-ahlinya serta memainkan peranan kami untuk membantu masyarakat selain daripada melengkapkan usaha-usaha pembangunan Kerajaan.

3. Hari ini, saya merasa amat gembira kerana melihat BAKISA telah mengambil inisiatif untuk melakukan sesuatu yang baik untuk masyarakat. Sebentar lagi, saya akan melancarkan buku "Traditional Cuisines of Sabah" yang pada pendapat saya merupakan satu projek mengisi tabung yang sungguh baik sekali yang bukan sahaja dapat memperkenalkan makanan etnik negeri Sabah tetapi ia juga dapat mempromosikan makanan tradisi etnik negeri ini. Syabas kepada BAKISA dan saya berharap lebih ramai lagi pihak yang akan mencontohi usaha seperti ini.

4. Kita tinggal di dalam arus pembangunan yang pantas dan moden dan sudah tentulah pada lazimnya ini akan memupuskan budaya dan tradisi kita dengan begitu cepat juga. Pembangunan dan modenisasi mestilah dilihat dengan positif, tetapi saya berpendapat tanpa kawalan yang betul ia juga boleh memberikan kesan yang negatif.

5. Ini ada kebenarannya berhubung dengan budaya dan tradisi. Jika kita tidak mengambil inisiatif untuk memelihara budaya dan tradisi kita, maka mungkin beberapa tahun dari sekarang, generasi akan datang tidak akan dapat melihat, mewarisi serta menghargai kekayaan warisan budaya yang ada pada kita. Dalam erti kata lain, generasi kita yang akan datang mungkin akan terus kehilangan warisan budaya kita.

6. Kemajuan dan pembangunan tidak akan membawa apa-apa faedah jika kita tidak mengenali identiti dan asal-usul kita. Oleh itu, kita mestilah menyampaikan, menyemai dan memupuk di dalam diri para remaja kita tentang betapa pentingnya warisan budaya kita. Apabila kita melangkah ke alaf baru untuk mengejar kemajuan dan pembangunan, kita mestilah berpegang teguh kepada nilai-nilai Timur (Asian values) kita yang berdasarkan kepada budaya dan tradisi kita.

7. Usaha-usaha mendokumentasikan buku makanan-makanan tradisi pelbagai etnik masyarakat negeri Sabah ini adalah merupakan satu langkah yang baik ke arah ini untuk mempromosikan dan menghargai warisan budaya kita. Saya berharap buku ini akan mendapat sambutan yang menggalakkan dan sokongan yang baik daripada orang ramai kerana hasil daripada jualan buku ini adalah besar faedahnya iaitu untuk meningkatkan lagi objektif murni BAKISA dan untuk membantu masyarakat dan mereka yang kurang bernasib baik.

8. Saya sentiasa menekankan bahawa pertubuhan-pertubuhan wanita mestilah berjuang untuk maju ke hadapan dan mengambil daya usaha untuk memperjuangkan kemajuan wanita di negara ini. Kita telahpun lama berjuang sejak merdeka untuk membuktikan kemampuan kita di dalam pelbagai arena seperti politik, pendidikan dan sebagainya. Kita telah berjaya sebagai pengurus rumahtangga dan dalam

kerjaya bersama-sama dengan kaum lelaki menyumbang ke arah kemajuan dan pembangunan negara kita.

9. Kita telah mencapai banyak kemajuan yang boleh kita banggakan dan wanita di Malaysia penuh dengan idea, tidak kurang dengan inisiatif, beriltizam dan berazam untuk maju bersama-sama dengan kaum lelaki. Dengan itu wanita mestilah mengambil inisiatif untuk memimpin dan membantu yang lain yang kurang maju, khususnya wanita di kawasan-kawasan luar bandar yang memerlukan bantuan dan bimbingan.

10. Walaupun sebahagian daripada kaum wanita telah berjaya keluar daripada belunggu kemiskinan dan kemunduran, tetapi masih ramai lagi yang tidak berupaya untuk berbuat demikian. Dengan itu, pertubuhan seperti BAKISA, PUSPANITA dan sebagainya boleh meningkatkan usaha untuk mewujudkan kesedaran melalui inisiatif- inisiatif seperti program-program pendidikan dan keusahawanan.

11. Kita mestilah berganding bahu dengan Kerajaan untuk menggalakkan program-program yang benar-benar berjaya seperti Amanah Ikhtiar Malaysia yang bertujuan untuk mendidik wanita miskin luar bandar dan keluarga mereka agar dapat berdikari dan meningkatkan taraf hidup mereka melalui skim-skim mikro kredit.

12. Saya tidak ingin untuk menyampaikan ucapan yang panjang, tetapi hanya sekadar untuk menyatakan bahawa apabila kita hendak melangkah ke alaf baru, kita mestilah melengkapkan diri kita di dalam semua aspek untuk membolehkan kita menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang. Untuk melakukannya, kita mestilah berpegang teguh kepada nilai-nilai Timur kita dan mestilah berpadu tenaga dengan satu matlamat demi keharmonian dan kesejahteraan nusa dan bangsa.

13. Dengan kata-kata demikian, saya dengan segala sukacitanya melancarkan dengan rasminya Buku Traditional Cuisines of Sabah ini.